



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**OPERASI SERBUAN TERHADAP LIMA (5)  
PEMEGANG PAJAK GADAI TIDAK BERLESEN**



**Pada 26 Oktober 2022** – Cawangan Siasatan dan Pemantauan, Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat serbuan terhadap lima (5) premis pajak gadai tidak berlesen iaitu dua (2) di Melaka, dua (2) di Selangor dan satu (1) di Perlis sepanjang bulan Mei hingga Ogos 2022. Operasi serbuan ke atas lima (5) premis tersebut dijalankan berdasarkan hasil risikan pihak berkuasa dan aduan yang diterima daripada orang awam.

Dalam serbuan tersebut, enam (6) individu telah ditahan untuk siasatan lanjut. Hasil rampasan dalam operasi tersebut antaranya adalah ;

1. Barang kemas seperti cincin, rantai tangan, anting-anting, loket dan rantai leher (anggaran bernilai RM146,050.00);
2. Wang tunai berjumlah RM14,539.55;
3. Alat penimbang emas;
4. Set komputer pelbagai jenama;
5. Cecair asid penguji emas;

6. Buku daftar perniagaan (tebus emas);
7. Surat/resit menyerupai surat pajak gadai; dan
8. Dokumen Perjanjian Pinjaman yang dikitar semula.

Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 7(2) Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 iaitu menjalankan perniagaan pemegang pajak gadai tanpa lesen yang sah. Lima (5) individu dijangka akan dituduh di Mahkamah Majistret berkaitan dalam waktu yang terdekat.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa selaku agensi yang mengawal selia aktiviti pajak gadai, KPKT sentiasa mengambil perhatian serius dalam usaha melindungi rakyat daripada menjadi mangsa urus niaga premis pajak gadai yang tidak berlesen.



Justeru, operasi pemantauan berterusan sentiasa giat dijalankan bagi memastikan hanya premis pajak gadai yang berlesen sahaja dibenarkan beroperasi dan mematuhi Akta yang ditetapkan. Beliau turut mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia melalui Cawangan Siasatan dan Pemantauan, Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, KPKT yang sentiasa komited menjalankan tugas dan memberi kerjasama dalam membanteras pengoperasian premis pajak gadai tidak berlesen.

KPKT turut menyeru orang ramai agar dapat memanfaatkan penggunaan aplikasi i-Gadaian selaras dengan tagline "Jadilah Pemajak Yang Bijak". Justeru, orang ramai diminta untuk lebih berhati-hati dalam membuat sebarang urusan berkaitan pajakan dan memuat turun aplikasi i-Gadaian bagi tujuan membuat carian nama pemegang pajak gadai yang berlesen dan didaftarkan di bawah KPKT di seluruh Semenanjung Malaysia.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, orang awam boleh menghubungi talian 03-8891 4698/4657/4694/4654 atau mengemukakan pertanyaan melalui Sistem Aduan Bersepadu KPKT di pautan [aduan.kpkt.gov.my](http://aduan.kpkt.gov.my) untuk tindakan sewajarnya.